



MALAYSIAN FOOTBALL LEAGUE

Malaysian Football League (MFL) diwujudkan di atas program penswastaan liga bola sepak Malaysia. MFL sebelum ini telah dikenali sebagai Football Malaysia Limited Liability Partnership (FMLLP).

Tujuan utama MFL adalah mentransformasikan dan memajukan bola sepak Malaysia menyokong agenda dan visi bola sepak nasional di bawah naungan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).



Al-Sultan Abdullah R'ayatuddin
Al-Mustafa Billah Shah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah
Al-Musta'in Billah

Pengerusi MFL
2015 - 2017



Duli Yang Amat Mulia
Tunku Ismail ibni
Sultan Ibrahim

Pengerusi MFL
2018 - 2019



Yang Berbahagia
Datuk Haji Hamidin
Haji Mohd Amin

Pengerusi MFL
2019 - Sekarang

Sejak penubuhannya pada tahun 2015, MFL telah mengubah dan memacu landskap bola sepak Malaysia ke arah profesionalisma pertandingan, pemasaran dan nilai komersial Liga Malaysia.

MFL menguruskan 8 entiti pertandingan iaitu Liga Super, Liga Premier, Piala FA, Piala Malaysia, Perlawanan Sumbangsih, Challenge Cup, Liga M3 dan Liga M4.

Dengan visi untuk menjadikan sukan bola sepak menjadi kebanggaan negara, MFL berusaha untuk mengubah bola sepak Malaysia berasaskan 4 teras utama;

- Perlawanan yang berdaya saing dalam semua pertandingan
- Perkembangan komersial yang positif
- Perkongsian yang erat dengan pihak berkepentingan
- Integriti dalam pengurusan bola sepak

Kerjasama Strategik

MFL dalam visi kami untuk pertumbuhan yang mampan dalam sukan dan industri, telah menandatangani kerjasama dengan LaLiga untuk membangunkan Pelan 50 tahun (Next50) bagi Liga Malaysia, dan bersama-sama dengan FAM, menandatangani kerjasama dengan J-League untuk perkongsian pengetahuan dan kepakaran.



Pentadbiran Malaysia Football League PLT

- Rakan Kongsi Liga terdiri daripada seorang wakil daripada 24 pasukan yang bertanding di Liga Super dan Liga Premier.
- Ahli Lembaga Pengarah MFL terdiri daripada 1 orang Presiden, 3 orang wakil dari FAM, 3 orang wakil dari pasukan dan juga 3 orang wakil bebas.
- MFL mempunyai 9 bahagian utama iaitu Pertandingan (MFL/AFL), Komersial, Perancangan & Strategi, Penyiaran, Media, Kewangan, Sumber Manusia & Pentadbiran dan Perundangan.

Landskap Bolasepak Malaysia

Ringkasan Garis Masa:-



1900

Bolasepak tiba di Tanah Melayu bersama British

1921

Piala HMS Malaya diwujudkan



1933

Football Association of Malaya (FAM) ditubuhkan

1954

FAM menyertai AFC & FIFA



1960

FAM dijenamakan ke Football Association of Malaysia (FAM)



1967

Piala Malaysia Pertandingan baru menggantikan Piala HMS Malaya



1972

Malaysia layak ke Olimpik Munich

Munich1972

1979

Penyertaan pasukan negeri di pertandingan Piala Malaysia



1980

Malaysia layak ke Olimpik Moscow

1989

Liga Semi Pro diperkenalkan



1990

Piala FA diperkenalkan

1994

Liga Perdana Malaysia Liga Profesional



1998

Liga Perdana Division 1 & 2 mula diperkenalkan

2004

Liga Super Format baru diperkenalkan menggantikan Liga Perdana 1



2015

Penswastaan Liga Malaysia MFL (ketika itu FMLLP) ditubuhkan sebagai Badan Korporat yang akan mengendalikan Liga & Kejohanan Bolasepak Profesional di Malaysia